Volume: 11 Issues: 86 [September, 2026] pp. 1548-1562
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/ JISED.118697

AMALAN NAFKAH DAN TAAT DALAM RUMAHTANGGA: ANALISIS DARI ASPEK PENDEKATAN DAKWAH

THE PRACTICE OF PROVISION AND OBEDIENCE IN THE HOUSEHOLD: AN ANALYSIS FROM THE PERSPECTIVE OF DAKWAH APPROACH

Aida Hartini Nan[1*]
Muhammad Aliff Amin Mohamad Zainudin [2]
Muhammad Amanullah Bin Abdul Rahman[3]
Muhamad Khairul Zikri Adzimat [4]
Muhammad Shahhin Nazmi Shahlan [5]
Nur Amirah Binti Mohd Zain[6]
Abdul Muhaimin Abdul Ralib[7]

[1] Faculty of Islamic Studies and Social Science, Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia
(E-mail: aida@usas.edu.my)
[2] Faculty of Islamic Studies and Social Science, Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia
(E-mail: mualiffamin@gmail.com)
[3] Faculty of Islamic Studies and Social Science, Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia
(E-mail: amanrhmn0921@gmail.com)
[4] Faculty of Islamic Studies and Social Science, Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia
(E-mail: khairuzzikri92@gmail.com)
[5] Faculty of Islamic Studies and Social Science, Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia
(E-mail: shahhinnazmishahlan@gmail.com)
[6] Faculty of Islamic Studies and Social Science, Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia
(E-mail: nuramirah.mazlan157@gmail.com)
[7] Department of English, Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia
(E-mail: abdmuhaimin@usas.edu.my)

Article history
Received date : 14-8-2026
Revised date : 15-8-2026
Accepted date : 29-9-2026
Published date : 30-9-2026

To cite this document:
Nan, A. H., Mohamad Zainudin, M. A. A., Abdul Rahman, M. A., Adzimat, M. K. Z., Shahlan, M. S. N., Mohd Zain, N. A., & Abdul Ralib, A. M. (2026). Amalan nafkah dan taat dalam rumahtangga: Analisis dari aspek pendekatan dakwah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED),* 11 (86), 1548-1562.

Abstrak: *Pembinaan rumah tangga yang sejahtera bergantung kepada sejauh mana pasangan tersebut memahami dalam melaksanakan hak dan tanggungjawab. Dalam konteks ini, konsep nafkah dan taat menjadi elemen penting yang saling berkaitan. Suami yang menunaikan nafkah secara sempurna akan mendorong isteri untuk taat dalam perkara yang tidak bercanggah dengan syarak, manakala taat isteri pula meningkatkan kesungguhan suami dalam menunaikan nafkah zahir dan batin. Walau bagaimanapun, masih ramai pasangan yang tidak jelas tentang tanggungjawab ini sehingga menimbulkan kekeliruan dari aspek hak dan tanggungjawab masing-masing. Justeru, kajian ini dilaksanakan dengan dua objektif utama*

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 86 [September, 2026] pp. 1548-1562
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/ JISED.118697

iaitu mengkaji konsep nafkah dan taat berdasarkan pandangan ulama serta menilai peranan nafkah dan taat sebagai pendekatan dakwah dalam rumahtangga. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan metode analisis kandungan sebagai instrumen utama pengumpulan data berlandaskan kerangka konsep. Analisis data juga melalui kaedah analisis kandungan melalui pengkelasan tema berkaitan dengan nafkah, taat dan pendekatan dakwah. Hasil kajian menunjukkan bahawa amalan nafkah dan taat menghasilkan empat elemen pendekatan dakwah iaitu dakwah melalui teladan, hikmah, kasih sayang dan pembinaan spiritual. Kesan daripada elemen dakwah melalui amalan nafkah dan taat ini akan mengukuhkan institusi rumahtangga seterusnya melahirkan generasi yang beradab

Kata kunci: *Dakwah, Isteri, Nafkah, Suami, Taat*

Abstract: *The development of a prosperous household depends on the extent to how far the couples understand and fulfill their rights and responsibilities. In this context, the concept of nafkah (provision) and taat (obedience) are important and correlates with each other. A husband who fully provides nafkah will encourage his wife to be obedient in matters that do not contradict with Islamic law (syarak), while the wife's obedience in turn increases the husband's diligence in providing both physical (zahir) and emotional/ spiritual (batin)nafkah. However, many couples remain unclear about these responsibilities, leading to confusion regarding their respective rights and obligations. Therefore, this study was conducted with two main objectives; to examine the concepts of nafkah and taat based on scholars' views and to evaluate the role of nafkah and taat as a dakwah approach within the household. This study employs a qualitative research design as the main instrument for data collection based on a conceptual framework. Data analysis was also conducted through content analysis via thematic classification related to nafkah, taat, and the dakwah approach. The findings show that the practice of nafkah and taat produces four elements of the dakwah approach, namely dakwah through exemplary conduct, wisdom (hikmah), compassion, and spiritual development. The impact of these dakwah elements through practice of nafkah and taat will strengthen the household and subsequently produce a well-mannered generation.*

Keywords: *Dakwah, Wife, Nafkah, Husband, Taat.*

Pendahuluan

Keluarga merupakan institusi asas pembentukan masyarakat. Menurut Roslan dan Siti Nor Shuhada (2013), keluarga adalah gabungan beberapa orang ahli yang mempunyai tanggungjawab dan hak bersama dalam menentukan arah tuju dan kejayaan bagi sesebuah keluarga. Ianya bermula daripada peranan dua individu yang dinamakan suami dan isteri yang kedua-duanya mempunyai hak dan tanggungjawab masing-masing. Walau bagaimanapun, masih wujud segelintir masyarakat yang tercicir dan keliru tentang ilmu perkahwinan Islam sehingga mewujudkan isu dan masalah rumahtangga yang membawa kepada salah faham, pergaduhan dan penceraian.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah membentangkan statistik penceraian pasangan di Malaysia pada tahun 2024 adalah sebanyak 47,272 kes. Pada tahun 2023, kaum bumiputera mencatat bilangan penceraian tertinggi iaitu sebanyak 44,396 kes berbanding kaum India dan Cina. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 86 [September, 2026] pp. 1548-1562
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/ JISED.118697

(KPKM-5) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati bahawa faktor utama perceraian dalam kalangan lelaki adalah tiada persefahaman (56.2%), diikuti oleh isteri curang (11.8%) dan campur tangan keluarga mentua atau ipar-duai (10.0%). Bagi wanita pula, faktor utama perceraian adalah tiada persefahaman (38.0%), diikuti oleh suami curang (20.5%) dan suami tidak bertanggungjawab (15.2%) (Mesyuarat Parlimen, 2025).

Melalui statistik yang dikemukakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat antara faktor kepada berlakunya penceraian adalah bermula dengan ketidaksefahaman antara suami dan isteri yang akhirnya menimbulkan faktor seterusnya iaitu kecurangan dan gagal dalam menunaikan tanggungjawab. Semua faktor yang disenaraikan sangat berhubung kait dengan hak dan tanggungjawab. Tanggungjawab utama suami dalam rumahtangga adalah pemberian nafkah, manakala tanggungjawab isteri adalah mentaati suami. Maka hak suami adalah ditaati dan hak isteri adalah diberikan nafkah. Kegagalan suami dan isteri dalam memenuhi hak dan tanggungjawab inilah yang menjadi punca kepada ketidaksefahaman, kecurangan dan akhirnya penceraian.

Nur Fatin et al (2024) menyatakan bahawa, antara faktor terbesar penceraian dalam kalangan pasangan Islam ialah sikap kegagalan suami isteri dalam menjalankan tanggungjawab. Menurut beliau lagi, ini juga merupakan faktor daripada kurangnya pengetahuan ilmu agama yang akhirnya memberi kesan kepada kurangnya kesedaran terhadap isu nafkah dan keganasan rumah tangga. Kegagalan ini juga adalah berpunca daripada kekeliruan dan salah faham terhadap amalan nafkah dan taat. Suami melihat taat itu ialah menurut segala kehendak suami tanpa batasan sehingga membawa kepada pembulian dan penderaan kepada isteri jika tidak mentaati arahan suami.

Islam melihat, antara kaedah pencegahan penceraian ialah melalui komunikasi, bertanggungjawab, komitmen dalam pemberian nafkah zahir dan batin, meraikan pendapat dan memberi nasihat (Haszuraidah & Kamarul 2022). Nur Fatin et al (2024) menjelaskan, majoriti punca kepada berlakunya penceraian di Malaysia adalah disebabkan oleh wujudnya permasalahan dalam komunikasi antara suami isteri yang akhirnya mewujudkan kekeliruan dan salah faham berkaitan peranan dan tanggungjawab sebagai seorang suami dan isteri khususnya dalam kalangan perkahwinan muda.

Menurut jumhur fuqaha pula, kewajipan pemberian nafkah kepada isteri bukan semata-mata dilihat atas faktor hukum yang telah digariskan tetapi juga disebabkan wujud keterikatan dan penyerahan diri isteri terhadap suaminya dengan sentiasa mentaati dan mematuhi arahan suami (Fatimah 2016). Oleh itu, kegagalan dalam menunaikan nafkah, secara tidak langsung akan memberi kesan terhadap ketaatan isteri kepada suami. Sebaliknya juga jika isteri tidak menjalankan tanggungjawab, perubahan perasaan dan melakukan tindakan yang melukakan hati suami atau menimbulkan ketidakpuasan suami, ianya diketegorikan sebagai nusyuz seterusnya menjadi faktor kepada pengabaian nafkah suami kepada isteri (Nurul Wazeera 2011).

Maka, keengganan dalam menyempurnakan hak antara pasangan dalam hidup berkeluarga boleh membawa kepada perselisihan serta pergaduhan sehingga berlakunya penceraian.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 86 [September, 2026] pp. 1548-1562
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/ JISED.118697

Nafkah dan taat dalam rumah tangga dilihat merupakan elemen asas yang saling berkaitan dan mempengaruhi kestabilan serta keharmonian keluarga. Kedua-dua elemen ini jika dilaksanakan dengan baik, akan mendorong satu sama lain rasa lebih bertanggungjawab dalam memenuhi hak masing-masing. Maka dari perspektif yang lebih luas, kajian ini dilihat sebagai satu anjakan paradigma dalam memahami amalan nafkah dan ketaatan sebagai pendekatan dakwah *bil-hal* iaitu dakwah dengan cara menzahirkan tingkah laku yang baik kepada sasaran dengan tujuan untuk memberi kesan terhadap penerimaan dakwah dan seterusnya menghasilkan corak rumah tangga yang *sakinah mawaddah wa rahmah*.

Konsep Nafkah Menurut Islam

Kamus Dewan (2025) Edisi Keempat menyatakan maksud nafkah ialah wang untuk memiliki makanan dan lain-lain yang diperlukan untuk memelihara hidup atau sara hidup. Nafkah merupakan pinjaman daripada bahasa Arab iaitu نفقه yang membawa maksud membayar, membelanja dan mengeluarkan wang ringgit (Nur Zulfah & Nur Syazwani 2020). Menurut istilah ahli fekah, nafkah ditakrifkan sebagai belanja atau sara hidup yang dikeluarkan oleh seseorang kepada orang yang selayaknya menerima pembiayaan daripadanya seperti isteri dan anak-anak yang berada di bawah tanggungannya. (Fatimah 2016). Menurut Nabilah dan Wan Zulkifli (2010), pemberian nafkah seolah-olah sebagai pembalasan kepada isteri yang telah menjadi milik suami melalui akad yang sah. Isteri tidak lagi mempunyai kebebasan untuk melakukan sesuatu dengan sewenang-wenangnya tanpa kebenaran suami kerana penahanan diri isteri yang sempurna (*ihtibas kamil*) terhadap suami dan terikat melalui akad perkahwinan yang sah.

a. Nafkah Zahir

Nafkah terbahagi kepada dua iaitu nafkah zahir dan batin. Nafkah zahir adalah merupakan pemberian dan berbelanjaan suami dari aspek material merangkumi makan minum, pakaian dan tempat tinggal. Firman Allah S.W.T:

Maksudnya:

> "Tempatkan isteri-isteri (yang menjalani iddahnya) itu di tempat kediamanmu sesuai dengan kemampuanmu, dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuanhendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu). Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkah sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya. Kemudian jika mereka menyusukan anak untukmu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik. Dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah Perempuan lain menyusukannya."
>
> Al-Talaq (65): 6

Maksudnya:

> "Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu). Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 86 [September, 2026] pp. 1548-1562
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/ JISED.118697

> (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan".
>
> al-Talaq (65):7

Melalui ayat-ayat di atas menjelaskan, pemberian nafkah adalah wajib ke atas suami supaya dapat memberikan keselesaan dan keselamatan terhadap isteri mengikut kepada kadarkemampuan suami, bukannya bergantung kepada kehendak isteri. Hukum pemberian nafkah kepada isteri merupakan sesuatu yang bersifat rasional kerana ianya berhubung kait dengan penyerahan diri, kebergantungan isteri kepada suami serta pengorbanan yang diberikan oleh isteri untuk kebaikan dan faedah suami dalam mengurus rumahtangga perlu diberi balasan melalui pemberian nafkah tersebut.

Menurut Imam an-Nawawi bahawa hak-hak yang wajib terhadap isteri itu tujuh perkara iaitu:

i. Makanan
ii. Bahan-bahan seperti rempah-ratus (barang-barang keperluan dapur seperti barang masakan)
iii. Pembantu bagi isteri yang kebiasaannya mempunyai pembantu
iv. Pakaian
v. Alat-alat pembersih badan dan pencuci pakaianseperti sikat dan alatan kecantikan isteri
vi. Perkakas rumah seperti barang keperluan bilik air, bilik tidur dan sebagainya
vii. Tempat tinggal (rumah) (Robiatul Adawiyah 2009)

Perkara-perkara di atas adalah merupakan pelengkap kepada nafkah yang asas.

b. Nafkah Batin

Keduanya adalah merupakan nafkah batin Firman Allah S.W.T:

Maksudnya:

> "Isteri-isterimu Adalah seperti tanah tempat kamu
>
> "Isteri-isterimu adalah (seperti) tanah tempat kamu bercucuk tanam, maka datangilah tanah tempat bercucuk tanammu itu sebagaimana sahaja kamu kehendaki. Dan kerjakanlah (amal yang baik) untuk dirimu, dan bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah bahawa kamu kelak akan menemui-Nya. Dan berilah khabar gembira orang-orang yang beriman.
>
> Al-Baqarah (2):223

Ayat di atas menjelaskan tentang nafkah batin adalah melibatkan hubungan intim di antara suami dan isteri. Ini kerana antara faktor perkahwinan dalam Islam adalah untuk memenuhi fitrah manusia yang berkeinginan untuk berhubungan di antara lelaki dan perempuan secara halal.

Walau bagaimanapun, Islam tidak hanya memandang nafkah batin itu dari sudut hubungan intim suami isteri tetapi ia juga meliputi nafkah psikologi yang melibatkan emosi dan perasaan melalui keprihatinan dan kasih sayang daripada suami kepada isteri. Perkataan "batin" itu

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 86 [September, 2026] pp. 1548-1562
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/ JISED.118697

sendiri asalnya daripada bahasa arab yang membawa maksud bahagian dalaman manusia yang melibatkan hati dan iiwa (Khairunnas & Awni Ramadanti 2024). Firman Allah S.W.T:

Maksudnya:

> "Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu)."
>
> An-Nisa (4): 19

Menurut Muhammad Abdul Hadi (2021), ayat di atas merupakan dalil umum berkaitan nafkah batin yang melibatkan keperluan penjagaan mental dan emosi isteri. Bimbingan dan penasihatan, tunjuk ajar ilmu agama serta kesediaan mendengar luahan dianggap sebagai nafkah batin yang wajib diberikan oleh suami kepada isteri. Perkara ini juga jelas dinyatakan di dalam hadis Nabi S.A.W:

Maksudnya:

> "Pergaulilah kaum Wanita itu dengan pergaulan yang lemah lembut kerana sesungguhnya kaum Wanita itu dijadikan dari tulang rusuk dan sesungguhnya tulang rusuk itulah yang sebengkok-bengkoknya ialah yang paling atas. Maka apabila engkau hendak meluruskannya, luruskanlah dengan perlahan dan apabila tidak diluruskan, ia akan sentiasa bengkok selama-lamanya. Oleh sebab itu, pergaulilah Wanita dengan pergaulan yang lemah lembut".
>
> Riwayat Bukhari (3331) & Muslim (1468)

Hadis di atas menjelaskan, asal kejadian kaum wanita daripada tulang rusuk suami menunjukkan bahawa isteri mempunyai satu sikap yang tidak mungkin boleh diluruskan sepenuhnya kerana secara semulajadinya dia berasal dari tulang yang bengkok. Dan jika suami cuba meluruskan dengan paksaan maka akan patahlah tulang rusuk tersebut. Analogi ini bermaksud, suami perlu berhati-hati dan sebaik mungkin berkomunikasi baik dan lemah lembut dengan isteri yang secara fitrahnya mempunyai emosi yang lebih sensetif dan mudah terguris (Muhammad 2021).

Maka ini dapat dirumuskan bahawa, sesuai dengan fitrah kejadian seorang lelaki yang dilahirkan dengan kekuatan fizikal dan mental untuk memikul tanggungjawab sebagai seorang pemimpin. Sesungguhnya konsep nafkah ini bukanlah sekadar untuk menjaga keperluan fizikal dan material isteri semata-mata, tetapi ia juga merangkumi keperluan emosi dan spiritual yang sebenarnya menjadi asas ketaatan isteri kepada suami. Ini kerana isteri merasai nikmat kasih sayang melalui nafkah yang diberikan.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 86 [September, 2026] pp. 1548-1562
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/ JISED.118697

Konsep Taat Menurut Islam

Definisi taat menurut Kamus Dewan (2025) ialah sentiasa menurut perintah, tidak mengingkari dan patuh. Ia juga merangkumi perihal kesetiaan. Definisi taat secara istilah pula majoriti ulama akan merujuk pada dalil melalui firman Allah S.W.T:

Maksud:

> "Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian (perempuan) yang lain, dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan sebahagian daripada harta mereka. Sebab itu maka Wanita yang soleh ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri Ketika suaminya tiada, oleh kerana Allah telah memelihara (mereka). Wanita-wanita yang kamu khuatirkan nusyuznya, maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar".
>
> An-Nisa (4): 34

Maksud ayat ini menekankan bahawa wanita yang soleh merupakan isteri yang taat kepada Allah dan suaminya serta menjaga dirinya dan juga kehormatan ketika ia tidak bersamanya. Menurut tafsir Al-Manar, ketaatan adalah sebahagian dari keluarga yang bahagia, dimana isteri yang solehah bersifat qunut, iaitu taat kepada Allah dan suami secara makruf serta menjaga diri ketika tidak bersamanya. Perkara ini dapat dicapai setelah berbincang atau mendapat kata sepakat bersama, tanpa mengabaikan hak-hak peribadi isteri, serta memperhatikan hak-hak bersama yang setara, dan ketaatan yang terbina kerana kemahuan, keinginan, cinta, dan saling reda, bukan disebabkan oleh tekanan atau paksaan si suami atau isteri, atau menjadi tempat pelampias hasrat seksual (Laili Nur et al 2024).

Melalui dalil di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat tiga ciri utama wanita solehah iaitu taat kepada Allah, mempunyai akhlak yang baik termasuklah ciri ketiga iaitu taat kepada suami. Penekanan perkataan nusyuz juga disitu dilihat sebagai sifat berlawanan bagi taat. Definisi nusyuz ialah menurut Ibn al-'Arabi adalah sebagai al-Imtina' (menahan) iaitu isteri yang menahan dirinya daripada melaksanakan hak suaminya. Perbuatan isteri yang tidak mentaati suami seperti keluar rumah tanpa izin atau tanpa apa-apa alasan yang munasabah dan diharuskan oleh syara'

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui kaedah analisis kandungan bagi memperoleh data daripada pelbagai sumber termasuk buku ilmiah, artikel jurnal, latihan akademik dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kajian. Data yang diperoleh dianalisis secara tematik melalui proses pengenalpastian, pengelasan dan penghuraian tema-tema utama iaitu nafkah, batin dan dakwah.

Pendekatan Dakwah melalui Amalan Nafkah dan Taat

Imam al-Ghazali (1996) menjelaskan perkataan dakwah adalah berasal dari perkataan Arab iaitu (*da'a*, *yad'u*, *da'wah*) yang membawa maksud memanggil, mengajak, menyeru dan menjemput pada sesuatu untuk merangsang kepada sesuatu tujuan. Manakala menurut istilah,

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 86 [September, 2026] pp. 1548-1562
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/ JISED.118697

terdapat pelbagai tafsiran yang diberikan oleh ulama dan ahli disiplin ilmu dakwah. Menurut Mahfuz (1975), dakwah dianggap sebagai pendekatan untuk menggalakkan manusia untuk membuat kebaikan dan berusaha untuk mendapatkan petunjuk daripada Allah s.w.t. Ia juga ditakrifkan sebagai suruhan untuk melakukan perkara yang baik dan meninggalkan segala larangan demi mencapai matlamat dan memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Kandil (1989) pula menjelaskan dakwah adalah merupakan segala usaha dan kegiatan yang dijalankan untuk menyeru dan mengajak Masyarakat menuju kepada jalan yang benar agar umat manusia dapat mengenal dan percaya kepada Allah s.w.t sebagai Tuhan yang Maha Esa serta melaksanakan syariat-Nya iaitu dalam membentuk urusan dan sistem hidup manusai dalam segala aspek mengikut kepada prinsip yang telah digariskan oleh syariat yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah. Abd Aziz (1997) pula menyatakan dakwah adalah satu usaha yang dilakukan sebaik mungkin oleh golongan yang mempunyai kemampuan untuk memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada sasaran dan seterusnya membawa mereka kepada Islam serta menjauhkan mereka daripada kepercayaan selain daripada Allah s.w.t berpandukan kepada uslub yang bersesuaian.

Huraian definisi di atas bersesuaian dengan beberapa firman Allah s.w.t yang berkaitan:

Maksudnya:

> "Siapakah yang lebih baik perkataanya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal yang soleh dan berkata, "Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri"".
>
> Al-Fussilat (41): 33

Maksudnya:

> "Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar, merekalah orang yang beruntung".
>
> Ali-Imran (3): 104

Aida (2012) pula mendefinikan dakwah adalah sebagai satu gerakan tunjuk ajar bertujuan untuk mengajak manusia kepada Allah s.w.t dengan menggunakan kaedah amar makruf nahi mungkar.

Melalui keseluruhan pandangan di atas, dapat disimpulkan bahawa amalan dakwah adalah berkaitan tentang amalan komunikasi melalui kaedah penyampaian pengajaran kepada manusia tentang agama Islam serta seluruh syariatnya melalui pendekatan yang menarik dan mudah difahami dengan jelas dari segala usaha sama ada perkataan, perbuatan, penulisan. Oleh itu, penyampaian dakwah yang baik dan berkesan adalah bergantung kepada sejauh mana kebijaksaan pendakwah dalam memilih metod dan pendekatan dakwah yang bersesuaian dengan sasaran.

Kajian ini mengupas tiga dimensi pendekatan dakwah melalui amalan nafkah dan taat dalam rumahtangga iaitu:

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 86 [September, 2026] pp. 1548-1562
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/ JISED.118697

a. Pendekatan Dakwah melalui Teladan

Pendekatan dakwah melalui teladan juga diistilah sebagai *Dakwah bil hal* yang didefinisikan sebagai proses dakwah keteladanan melalui perbuatan nyata daripada pelbagai aspek kehidupan bagi meningkatkan kualiti hidup. Metod ini juga merupakan satu kegiatan dakwah yang dilakukan dengan cara memperlihatkan sikap, gerak geri, kelakuan dan perbuatan (akhlak) dengan harapan sasaran (mad'u) dapat menerima, melihat dan seterusnya mencontohinya (Azizul Azra & Mohd Hisyam 2018). Norafidah (2021) pula mendefinisikan *dakwah bi al-hal* dengan istilah *dakwah bil-Qudwah* yang bermaksud berdakwah dengan cara menampilkan akhlak yang terpuji iaitu budi pekerti yang dapat dilihat manusia bukan melalui ucapan lisan ataupun tulisan tetapi dengan budi pekerti iaitu akhlak yang luhur.

Apabila amalan nafkah dan taat ini dilihat dari sudut dakwah, ianya merupakan satu pendekatan dakwah melalui penzahiran komitmen, tanggungjawab dan akhlak antara suami isteri. Firman Allah S.W.T:

Maksudnya:

> "Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian (perempuan) yang lain, dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan sebahagian daripada harta mereka. Sebab itu maka Wanita yang soleh ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri Ketika suaminya tiada, oleh kerana Allah telah memelihara (mereka). Wanita-wanita yang kamu khuatirkan nusyuznya, maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar".
>
> An-Nisa (4): 34

Melalui ayat al-Quran di atas, jelas menunjukkan bahawa wujud imbal balik antara hak dan tanggungjawab antara suami dan isteri melalui amalan nafkah dan taat. Allah S.W.T telah mewajibkan nafkah sebagai tanggungjawab suami sebagai pemimpin dalam rumahtangga. Kebertanggungjawaban suami dalam memberi nafkah akan menuntut hak untuk ditaati dan dipatuhi oleh seorang isteri. Sama juga keadaan apabila seorang isteri itu diwajibkan untuk taat atas setiap perintah suami mengikut keterbatasan syariat, maka ia menuntut hak untuk dinafkahi oleh seorang suami.

Pendekatan *dakwah bil hal* ini dilihat dari aspek akhlak yang ditunjukkan oleh seorang suami apabila berusaha untuk menafkahi isteri dengan sebaik mungkin dari sudut zahir dan batin, akan memberi kesan dan reaksi positif daripada isteri. Melihat kepada kesungguhkan suami mencari dan memberi nafkah, akan menimbulkan rasa tanggungjawab untuk mentaati dan memberi layanan yang terbaik kepada suami. Menurut Najla dan Tengku Intan Zarina (2016), antara layanan baik isteri terhadap suami ialah:

i. Berhias
ii. Memelihara maruah suami dan dirinya
iii. Beradab sopan
iv. Tidak masam muka dan meninggikan suara
v. Menjaga aurat dan menjaga pandangan

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 86 [September, 2026] pp. 1548-1562
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/ JISED.118697

b. Pendekatan Dakwah melalui Hikmah

Hikmah dari sudut bahasa bermaksud adil, berilmu, lemah lembut, kenabian, al-Quran dan Injil. Manakala dari sudut istilah ialah:

i. Tepat dalam kata-kata dan perbuatan (seiring antara apa yang diucapkan dan diamalkan).
ii. Adil iaitu meletakkan sesuatu itu tepat dan sesuai pada tempat dan keadannya.
iii. Ditakrifkan dengan makna sunnah iaitu selari dengan sifat kenabian dalam berdakwah.
iv. Mengenali al-Quran dan segala ilmu yang berkaitan dengannya.
v. Setiap perkataan adalah tepat dan benar.
vi. Mengetahui sebaik-baik perkara melalui sebaik-baik ilmu.
vii. Memahami syariat dan penjelasan tentang hukum-hukumnya.
viii. Mengenali agama, memahami dan menghayatinya. (Mahmood & Nohd Nazli 2023).

Rumusan yang boleh dibuat melalui definisi di atas, hikmah adalah pendekatan dakwah yang bersifat bijaksana, daie yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam menentukan kata-kata, mengatur percakapan dan memilih pendekatan yang bersesuaian dengan mad'u.

Apabila konsep ini diaplikasikan dalam konteks perkahwinan, ia berkaitan dengan ilmu pengetahuan yang perlu dimiliki oleh suami dan isteri tentang hak dan tanggungjawab. Menurut Nor Nor Dalilah *et. al* (2023), antara masalah yang wujud dalam rumah tangga adalah kurang ilmu dan penghayatan agama Islam dalam kalangan suami dan isteri. Menurut beliau lagi, bagi melunaskan hak tanggungjawab dalam rumah tangga, suami dan isteri wajib mempelajari dan memahami tentang ilmu munakahat supaya tidak timbul krisis di dalam rumah tangga.

Kamarul Azmi et. al (2006) menyenaraikan ciri-ciri suami yang berilmu pengetahuan ialah:

i. Mengenali dan memahami sifat semulajadi peribadi isteri.
ii. Memberi layanan yang terbaik terhadap isteri.
iii. Memberi Pendidikan agama dan penasihatan yang lemah lembut.

Manakala, ciri-ciri isteri yang berilmu ialah:

i. Memberi layanan di dalam hubungan intim
ii. Membantu suami dalam memimpin rumah tangga.
iii. Mendapatkan keredaan suami.

Oleh itu, dapat enjalankan tanggungjawab melalui amalan nafkah dan taat merupakan satu pendekatan dakwah hikmah antara suami isteri iaitu apabila setiap pasangan suami isteri memahami dan menghayati ilmu rumah tangga, maka secara tidak langsung akan memahami tentang kewajipan dalam menunaikan hak dan tanggungjawab.

c. Pendekatan Dakwah melalui Kasih Sayang

Kasih sayang merupakan antara elemen penting untuk membentuk rumah tangga yang harmoni. Kasih sayang merupakan pendekatan komunikasi dakwah bukan lisan dengan tujuan untuk mewujudkan rasa selamat dan dihargai dalam hubungan suami isteri (Herliani, Sri & Eni 2024). Amalan nafkah bukan dilihat sebagai bayaran atas ketaatan tetapi manifestasi kasih sayang suami terhadap isteri. Begitu juga dengan ketaatan isteri tidak seharusnya dilaksanakan

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 86 [September, 2026] pp. 1548-1562
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/ JISED.118697

atas paksaan atau ketakutan kepada kuasa suami, tetapi ianya lahir atas dasar hormat dan tanggungjawab terhadap suami.

Menurut Nor Dalilah et al (2023), peranan dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh suami dan isteri akan melahirkan perasaan kasih dan sayang. Apabila wujud kasih sayang dalam amalan rumah tangga, maka tanggungjawab yang dijalankan itu tidak terasa berat bahkan ianya merupakan satu tindakan yang dijalankan secara sukarela tanpa bebanan dan tekanan. Kebertanggungjawaban dalam nafkah dan taat dianggap sebagai satu proses komunikasi antara suami isteri melalui kasih dan sayang yang akhirnya mewujudkan rasa bahagia yang seterusnya membawa kepada rasa cukup dalam keluarga.

d. Dakwah Melalui Pembinaan Spiritual

Nafkah dan ketaatan dalam rumah tangga dalam difahami dan dilaksanakan dengan baik jika wujud penghayatan akidah yang baik. Menurut Nor Dalilah et al (2023), kefahaman pasangan suami isteri terhadap hak dan tanggungjawab adalah bergantung kepada tahap kefahaman keduanya terhadap rukun Iman, Islam dan Ihsan. Hasil pengukuhan ilmu agama mampu melahirkan tindak balas melalui amalan dan penghayatan terhadap suruhan dan larangan Allah S.W.T. Nafkah dan ketaatan yang dilaksanakan kerana Allah S.W.T dapat membentuk kesedaran bahawa kehidupan berumah tangga merupakan sebahagian dari ibadah.

Hasil daripada kesedaran ini, akan menjadikan suami menunaikan nafkah dengan cara yang baik dan halal. Ini kerana suami memahami bahawa makanan halal dan baik akan memberi kesan spiritual seperti kemakbulan doa, pembentukan hati dan akal serta kekuatan iman seterusnya memberi impak yang baik terhadap pembentukan akhlak dan budaya hidup keluarga (Ade Erawan & Kamarul Azmi 2022). Manakala isteri yang menjalankan tanggungjawab dengan niat yang baik akan bersama-sama memberi komitmen dalam beragama seperti menjaga solat dan membaca al-Quran (Dini Farhana et al 2018).

Rumusan pendekatan dakwah melalui amalan nafkah dan taat adalah seperti di bawah:

Jadual 1: Rumusan Pendekatan Dakwah melalui Nafkah dan Taat

Pendekatan Dakwah	Pengamalan Nafkah	Pengamalan Taat	Nilai yang Dibentuk
Dakwah melalui Teladan	Suami menunaikan nafkah zahir dan batin dengan penuh tanggungjawab, menyediakan keperluan keluarga serta menunjukkan komitmen terhadap kebajikan isteri.	Isteri melaksanakan ketaatan kepada suami dalam perkara yang makruf, menjaga maruah diri dan suami serta memberikan layanan yang baik	Amanah Tanggungjawab Komitmen Akhlak mulia
Dakwah melalui Hikmah	Suami memberikan nafkah berdasarkan kemampuan, keperluan	Isteri memahami batas ketaatan menurut syarak, menghormati suami serta melaksanakan	Ilmu Kebijaksanaan

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 86 [September, 2026] pp. 1548-1562
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/ JISED.118697

	dan keadaan keluarga serta memahami hak dan tanggungjawab dalam rumah tangga.	tanggungjawab dengan ilmu dan kebijaksanaan.	
Dakwah melalui Kasih Sayang	Suami menunaikan nafkah bukan sekadar sebagai kewajipan material, tetapi sebagai manifestasi kasih sayang, keprihatinan dan ihsan terhadap isteri	Isteri mentaati suami bukan atas dasar paksaan atau ketakutan, tetapi atas dasar kasih sayang, hormat, kerelaan dan tanggungjawab	Kasih sayang Ihsan Hormat Empati Menghargai
Dakwah melalui Pembinaan Spiritual	Suami mencari dan memberikan nafkah daripada sumber yang halal serta melaksanakan tanggungjawab dengan niat sebagai amanah dan ibadah kepada Allah SWT	Isteri melaksanakan ketaatan dengan kesedaran bahawa tanggungjawab rumah tangga merupakan sebahagian daripada ibadah dan usaha mendekatkan diri kepada Allah SWT.	Kesedaran beragama Penghayatan Ibadah

Sumber: Artikel Kajian Aida et al (2026)

Kesimpulan

Amalan nafkah dan ketaatan merupakan dua elemen penting dalam struktur kehidupan rumah tangga Islam. Namun, kedua-duanya perlu difahami secara holistik dan tidak terhad kepada dimensi hak serta kewajipan semata-mata. Pendekatan dakwah menawarkan suatu perspektif yang lebih luas dengan melihat nafkah dan ketaatan sebagai instrumen pembentukan spiritual, akhlak dan keharmonian keluarga.

Rumah tangga perlu dilihat sebagai medan dakwah yang paling asas dan paling dekat dengan kehidupan manusia**.** Suami dan isteri bukan sahaja berperanan sebagai pasangan hidup, tetapi juga sebagai pendakwah yang saling membimbing, mengingatkan dan menguatkan antara satu sama lain dalam melaksanakan amanah kehidupan. Apabila nafkah dan ketaatan dilaksanakan dalam kerangka hikmah dan kasih sayang, hubungan suami isteri berpotensi berkembang daripada sekadar hubungan hak dan kewajipan kepada hubungan yang bersifat spiritual dan transformatif.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 86 [September, 2026] pp. 1548-1562
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/ JISED.118697

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan Jabatan Usuluddin, Univerisiti Sultan Azlan Shah atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini.
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Aida Hartini Nan bertanggungjawab terhadap pengkonsepan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Muhammad Aliff Amin dan Muhammad Amanullah mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Muhamad Khairul Zikri, Muhammad Shahhin Nazmi dan Nur Amirah menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

Abd. Aziz, M.Z. 1997. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ade Erawan, M. & Kamarul Azmi, J. (2022). Kesedaran Halal dalam Kehidupan Seharian. *Prosiding Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST)*. Universiti Teknologi Malaysia. 14 Jun 2022. https://www.researchgate.net/profile/Kamarul-Azmi-Jasmi/publication/364326780_Prosiding_Seminar_Falsafah_Sains_dan_Ketamadunan_Bil_4_Jilid_2_2022/links/6364e17537878b3e87808dfb/Prosiding-Seminar-Falsafah-Sains-dan-Ketamadunan-Bil-4-Jilid-2-2022.pdf

Aida, H.N. (2012). Perlaksanaan pendekatan spiritual dakwah dalam kaunseling di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abu Bakar Baginda, Sungai Merab. *Tesis Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia. http://ir.upm.edu.my/find/Record/.b15902262

Azizul Azra, A. R. & Mohd Hisyam, A. R. (2018). Falsafah Dakwah bil Hal: Menurut Perspektif al-Quran. *Jurnal Sultan Alaudin Sulaiman Shah (Special Issue)*,1-17.

Dini Farhana, B. et al .(2018). Kefahaman Beragama dan Proses Transformasi Hubungan Pasangan dalam Perkahwinan. Al-Irsyad: *Journal of Islamic and Contemporary Issues 3(2)*, 75-91.

Fatimah, A. (2016). Nafkah Isteri Bekerja: Antara Hukum dan Realiti. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016*. 22 & 23 November 2016. https://conference.uis.edu.my/mfifc/images/e-proceeding/2016/18-27-mfifc-2016.pdf

Ghazali, D. 1996. *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 86 [September, 2026] pp. 1548-1562
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/ JISED.118697

Haszuraidah, I. & Kamarul, A. J. (2022). Penceraian Pasangan Islam di Malaysia. *Conference: Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST), 4(2) 2022*. https://www.researchgate.net/publication/366216561_Perceraian_Pasangan_Islam_di_Malaysia#fullTextFileContent

Herliani, S., Sri, R. & Eni, S. (2024). Peran Komunikasi dan Kasih Sayang dalam Mewujudkan Keluarga Sakinah Mawaddah Warrahmah. *Journal of Innovative and Creativity 4(3),* 49-55.

Kandil, M.T. 1989. *Berdakwah dalam Negara yang Berbilang Kaum dan Agama*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia

Khairunnas, J. & Awni Ramadanti, C. (2024). Konsep Nafkah Batin dalam Perspektif al-Quran. *Jurnal Harkat: Media Komunikasi Gender 20(1),*13-33.

Laili Nur, F. S., Abdul Muhaimin, Z. & Romlah, W. (2024). Konsep Taat Dan Membangkang Dalam Relasi Suami Istri Perspektif Al-Qur'an (Studi Komparatif Tafsir Periode Pertengahan Dan Modern Kontemporer Tentang Ayat-Ayat Pernikahan). Jurnal Review Pendidikan dan Pengajaran 7(2), 5723-5731.

Mahmood, S. & Mohd Nazli, O. (2023). Metodologi Dakwah bil Hikmah Terhadap Saudara Baru di Perkim Bahagian Melaka. *Jurnal 'Ulwan 8(3),* 1-7.

Muhammad Abdul Hadi, I. (2021). Irsyad Hukum Siri ke-620: Hukum Nafkah Zahir dan Batin Termasuk Keperluan Emosi dan Kesihatan Mental Bagi Isteri. https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4991-irsyad-al-fatwa-siri-ke-620-hukum-nafkah-zahir-dan-batin-termasuk-keperluan-emosi-dan-kesihatan-mental-bagi-isteri

Muhammad, A.H.I. (2021). Irsyad Hukum Siri ke-620: Hukum Nafkah Zahir dan Batin Termasuk Keperluan Emosi Kesihatan Mental bagi Isteri. Laman sesawang Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. 27 September. https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/4991-irsyad-al-fatwa-siri-ke-620-hukum-nafkah-zahir-dan-batin-termasuk-keperluan-emosi-dan-kesihatan-mental-bagi-isteri

Nabilah, A. & Wan Zulkifli, W. H. (2010). Nafkah Isteri Bekerja: Satu Tinjauan di Daerah Pasir Mas Kelantan. *Journal of Fiqh (7),* 83-106. file:///C:/Users/DELL/Downloads/10228.pdf

Najlaa, I. & Tangku Intan Zarina, T. P (2016). Layanan Isteri Terhadap Suami dari Aspek Berhias sebagai Pendidikan Dalam Rumah Tangga dan Kesan Pengabaiannya. *Journal of Global Business and Social Intrepreneurship (GBSE) 2(4),* 42-51. http://gbse.my/isiokt16/GBSE%202(4),%2042-51%20(July%202016).pdf

Nor Dalilah, Z., Raihanah, A. & Bahiyah, A. (2023). Elemen Kebertanggungjawaban Rumah Tangga Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Fiqh 20(2)*. Hlm: 165-210.

Norafidah, G. (2021). Konsep Dakwah bil Hal Melalui Pendekatan Dialog Nabi Muhammad S.A.W kepada Bukan Muslim. *Jurnal Persepktif. Jil 12(2),* 33-39

Nur Fatin, N., Afiqah, H. & Liana A. L. (2024). Analisis Faktor Penceraian dalam Kalangan Pasangan Belia Utara Menurut Undang-undang Kekeluargaan Islam. *ESTEEM Journal Of Social Sciencs and Humanities*. Vol 8(1), 95-106.

Nurhanim, O. (2026). Lebih 7000 kes Keganasan Rumah Tangga Tahun Lalu. Berita Harian Online. 7 Julai 2026. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/07/1583858/lebih-7000-kes-keganasan-rumah-tangga-tahun-lalu-104-kes-isteri

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 86 [September, 2026] pp. 1548-1562
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/ JISED.118697

Nur Fatin, N. S., Afiqah, H. & Liana, A. L. (2024). Analisis Faktor Penceraian dalam Kalangan Pasangan Belia di Seberang Perai Utara Menurut Undang-undang Kekeluargaan Islam. Journal of Social Science and Humanities (JSSH) 8(1), 95-106.

Nurul Wazeera, A. H. (2011). Pensabitan isteri nusyuz menurut undang-undang keluarga Islam : kajian di Wila kajian di Wilayah Persekutuan K ersekutuan Kuala Lumpur. *Tesis*. Universiti Malaya.

Parlimen. 2025. *Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Perlimen ke Lima Belas*. 24 Mac 2025. https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/JLDN24032025-v1.pdf

Robiatul Adawiyah, M. A. (2006). Hak-hak Isteri dalam Perkahwinan Menurut al-Quran dan Al-Sunnah. https://oarep.usim.edu.my/entities/publication/21931a8d-0d3f-4549-aae7-733d4d989684

Roslan, M. & Siti Nor Shuhada, M. (2013). *Keluarga muslim menurut Imam Hassan al-Banna*. Kuala Lumpur: Hijjaz Record Publisher.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0